

B B521 AAB

MAHATHIR - KAMPUNG R R R

1985

JERANTUT, 22 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMINTA PENDUDUK KAMPUNG-KAMPUNG TRADISIONAL BERKORBAN MENINGGALKAN KAMPUNG HALAMAN ASAL DAN SEBALIKNYA TINGGAL DI KAMPUNG-KAMPUNG TERSUSUN YANG DIRANCANGKAN OLEH KERAJAAN.

KAJANYA PENDUDUK YANG TERBABIT MESTILAH SANGGUP MENYAHUT CABARAN ITU DAN DENGAN RELA HATI BERPINDAH KE KAWASAN LAIN YANG DITETAPKAN UNTUK DIBANGUNKAN SEBAGAI PUSAT PEMBANGUNAN YANG MODEN.

KETIKA MERASMIKAN PROGRAM KAMPUNG TERSUSUN DAN BENGKEL KRAFT TANGAN DI KAMPUNG PASIR DURIAN, 50 KM DARI SINI PETANG INI, PERDANA MENTERI BERKATA PADA MASA INI JURANG PERBEZAAN DI ANTARA KAMPUNG-KAMPUNG DI LUAR BANDAR DENGAN DI BANDAR TERUTAMA DARIPADA SEGI KEMUDAHAN ASAS ADALAH TERLALU LUAS.

BELIAU BERKATA INI SEBABNYA KERANA KOS PERBELANJAAN MENYEDIAKAN KEMUDAHAN ITU LEBIH RENDAH BAGI BANDAR-BANDAR BERBANDING DENGAN KAMPUNG-KAMPUNG TRADISIONAL YANG BERSELERAK DI MERATA-RATA TEMPAT.

KATANYA KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA SEKARANG JUGA TIDAK MEMBOLEHKAN KERAJAAN MEMBEKALKAN SEGALA KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR YANG DIMINTA OLEH RAKYAT. -- LAGI  
2012MST 22 03 85

D487

B B522 AAB

MAHATHIR 2 JERANTUT

BELIAU BERKATA PROGRAM KAMPUNG TERSUSUN ITU AKAN MEMBOLEHKAN KERAJAAN MENYALURKAN KEMUDAHAN ASAS SAPERTI BEKALAN AIR DAN ELEKTRIK, JALAN DAN KEMUDAHAN SOSIAL LAIN DENGAN LEBIH CEPAT DAN MURAH DI SAMPING MENJAMIN ASAS EKONOMI YANG LEBIH KUKUH KEPADA PENDUDUK YANG TERBABIT.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MAHU MEREKA MENGGUNAKAN SEGALA SUMBER ALAM YANG ADA DI SEKELILING MEREKA DENGAN SEBAIKNYA SEBAGAI LANGKAH KE ARAH MENINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN MEREKA.

KATANYA NEGARA INI BEGITU KAYA DENGAN SUMBER ALAM SEPERTI BULUH, TANAH LIAT, ROTAN DAN SEBAGAINYA DAN PENDUDUK DI KAMPUNG TERSUSUN BOLEH MENGEKSPLOITASI BAHAN-BAHAN ITU SUPAYA DIJADIKAN BARANG-BARANG KRAFTANGAN MENERUSI INDUSTRI KAMPUNG.

PERDANA MENTERI MEMBERI CONTOH BENGKEL KRAFTANGAN DI KAMPUNG PASIR DURIAN YANG TERKENAL DENGAN PERUSAHAAN TEMBIKAR YANG DIPERBUAT DARIPADA TANAH LIAT SEBAGAI CONTOH YANG PATUT DIIKUTI OLEH KAMPUNG-KAMPUNG YANG LAIN.

BELIAU BERKATA BARANGAN KRAFTANGAN ITU DAPAT DIPOPULARKAN BUKAN SAHAJA KEPADA RAKYAT NEGARA INI TETAPI JUGA KEPADA DUNIA LUAR JIKA PERUSAHAAN ITU DIJALANKAN DENGAN CARA YANG LEBIH SISTEMATIK. -- LAGI  
2014MST 22 03 85

U B525 AAB

MAHATHIR 3 JERANTUT

INI IALAH JULUNG-JULUNG KALI PERDANA MENTERI MERASMIKAN SEBUAH BENGKEL INDUSTRI KAMPUNG SEJAK PROJEK YANG BERTUJUAN MENAMBAHKAN PENDAPATAN PENDUDUK LUAR BANDAR MENURUSI BAHAN-BAHAN MENTAH YANG BOLEH DIDAPATI SECARA PERCUMA DI TEMPAT MEREKA DIPERKENALKAN OLEH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR.

BENGKEL INDUSTRI KAMPUNG DI PASIR DURIAN MENGUSAHAKAN PERUSAHAAN TEMBIKAR SECARA SAMBILAN DAN SEPENUH MASA OLEH PARA BELIA DAN KAUM IBU. IA DITUBUHKAN OGOS LALU DAN KINI MENGHASILKAN PENDAPATAN TIDAK KURANG \$1,000 SEBULAN.

BENGKEL INI POPULAR DENGAN PENGELUARAN SEJENIS CEREK YANG LEBIH DIKENALI SEBAGAI TERENANG DAN TEMBIKAR BELANGA IAITU SATU-SATUNYA TEMPAT YANG MENGELUARKAN BAHAN BERKENAAN DI NEGARA INI.

YANG TURUT HADIR IALAH ISTERI PERDANA MENTERI DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH MOHAMAD ALI DAN MENTERI BESAR PAHANG DATUK HAJI NAJIB TUN RAZAK. -- BERNAMA  
2023MST 22 03 85